

MENANGANI AJARAN SESAT DI KALANGAN UMAT ISLAM: PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN

Siti Zubaidah Ismail*

ABSTRACT

Activities related to deviation from the Islamic teaching is something that is not unheard of in our country. Ever since before Independence, certain groups spread its influence in the society, and many efforts have been done to curb this menace. This article discusses the reality pertaining to solving the problem, by discussing some issues arising out of legal mechanism such as the effect of fatwa, the enforcement and the challenges of meeting with legal requirements of shariah criminal offences enactment. It also shows that such activity can only be curbed through a standardized effort and holistic approach.

Keywords: deviant teaching, Islamic criminal law, religious enforcement, religious offence

PENDAHULUAN

Salah satu cabaran dalam pengembangan agama Islam sejak dahulu ialah wujudnya pengaruh yang cuba memesangkan akidah penganut agama Islam. Sejak zaman Nabi Muhammad SAW hingga ke kini, umat Islam secara amnya tidak pernah sunyi daripada berhadapan dengan

* Senior Lecturer, Department of Syariah and Law, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, szubaida@um.edu.my.

isu penyelewengan akidah dan penyebaran ajaran sesat. Penyebaran ajaran sesat mungkin dapat dikekang jika setiap individu Muslim berwaspada dan meningkatkan pengetahuan agama menerusi cara yang betul serta mengelak diri daripada dipengaruhi oleh kumpulan tertentu yang kebanyakannya mempunyai agenda peribadi.

Sejajar dengan perkembangan dakwah Islamiah di negara ini, insiden ajaran sesat juga tidak sunyi daripada diberi perhatian. Biarpun kerajaan berusaha menyemarakkan usaha dakwah menerusi pelbagai medium dan perancangan di segenap peringkat, namun masih ada kelompok yang berjaya menembusi golongan sasaran, terutama menerusi kaedah dan pendekatan tertentu seperti perbomohan dan rawatan tradisional, tarikat dan pengajaran tertentu serta pemujaan dan amalan khurafat.¹ Usaha keras kerajaan dilakukan kerana implikasi ajaran sesat ini, bukan sahaja terkesan kepada individu terbabit semata-mata, malah turut memberi kesan kepada anggota masyarakat. Di pihak berkuasa pula, pengwujudan beberapa peruntukan kesalahan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah, pensyaratian tauliah kepada penceramah agama, pemantauan terhadap pendakwah bebas adalah antara usaha yang dilakukan bagi mengekang peluang tersebarnya ajaran yang bertentangan dengan Islam.

Artikel ini mengupas dan membincangkan senario semasa berkaitan fenomena ajaran sesat di Negara ini serta mencadangkan penyelesaian dari sudut undang-undang dan pentadbiran dalam menangani isu ini di kalangan umat Islam. Sebagai latarbelakang, konsepsualisasi dan sejarah kewujudan ajaran sesat akan dibincangkan secara ringkas dan seterusnya, keadaan semasa mengenai realiti insiden ajaran sesat akan diutarakan. Kemudian diikuti oleh rangka perundangan yang ada beserta penguatkuasaan fatwa yang telah diwartakan berkaitan ajaran sesat. Bagi dua aspek ini, beberapa isu dan permasalahan yang timbul dalam melaksanakannya akan dibincangkan. Pada akhirnya, penulis cuba memfokuskan kepada pemulihan akidah dan peranan

¹ Lihat penjelasan laman Pusat Penyelidikan Islam, JAKIM di <http://www.islam.gov.my/ppi/profil.html>, akses pada 12 April 2010. Lihat juga kupasan lebih lanjut dalam Siti Norbaya Abdul Kadir, *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-Cirinya*, Kuala Lumpur: Pustaka Hidayah, hh. 18-22; Abdul Fatah @ Haron Ibrahim (1990), “Ajaran Sesat”, (Koleksi Persidangan Penyelidikan Sempena Ulang Tahun ke 20 UKM, Bangi), hh.123-129; Mustafa Haji Daud (1995), “Ajaran Sesat di Malaysia: Fenomena, Kesan, Faktor dan Penyelesaiannya”, (Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Gejala Sosial, Jitra, hh. 399-418); Zamihan Hj Mat Zin (2008), “Ajaran Sesat dan Bahayanya Terhadap Agama dan Negara”, (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Akidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka pada 3 April 2008).

yang boleh dimainkan oleh institusi termasuk pusat pemulihara akidah dalam membersihkan anasir-anasir negatif di dalam diri pengikut ajaran sesat. Beberapa mekanisme yang sedia ada dan boleh diperkasakan juga turut disentuh. Fokus utama artikel ini ialah ke arah mewujudkan kerangka penyelesaian masalah akidah yang menyeluruh, bukan sahaja dari sudut perundangan, malah dari segi pentadbiran dan juga kesedaran beragama.

KONSEP DAN SEJARAH KEWUJUDAN AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Kalangan penulis dan pengkaji ajaran sesat di Malaysia mendefinisikan ajaran sesat, ajaran salah atau penyelewengan akidah sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalan yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam; sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam.² Bertolak daripada takrifan ini, didapati bahawa kebanyakan pengkaji lebih cenderung kepada aspek penerangan lanjut berkenaan konsep, ciri dan kriteria ajaran sesat ini, serta cadangan bagaimana menjauhinya.³

Di negara kita ini khususnya di kalangan masyarakat Melayu, pelbagai kepercayaan telah wujud sejak zaman-berzaman. Ramai penulis menukilkan bahawa kepercayaan yang berunsur khurafat seperti animisme dan yang berelemen Hinduisme, dapat dilihat dalam pelbagai bentuk di dalam masyarakat Melayu.⁴ H.O.K Rahmat menjelaskan bahawa kepercayaan animisme ini biasanya menimbulkan pemujaan dan perhambaan diri kepada suatu kuasa yang berperibadi kerana orang mempercayai bahawa ia boleh mendatangkan nasib baik atau buruk kepada manusia. Sebagai kesannya, nyawa dan roh

² Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (t.t), *Kriteria dalam Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad, h. 1.

³ Sebagai contoh hasil penulisan pengkaji dalam bidang usuluddin, baca Abdul Fatah Haron Ibrahim (2006), “Syariat, Tareqat, Haqqiqat dan Ma’rifat: Satu Analisa Kritis”, *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, Bil.19, hh. 1-30; Pusat Dakwah Islamiah (t.t), *Kriteria-Kriteria Ajaran Sesat Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura*, Brunei: Kementerian Hal Ehwal Ugama; Abdul Hayei Abd Shukor (2006), “Kasyaf dalam Ajaran Kaum Sufi”, *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, Bil.19, hh. 31-40.

⁴ Mohd Yusof Senik (1993), “Kepercayaan Khurafat tentang Saidina Ali di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 1, hh. 204-215.

yang dianggap berkuasa perlu dijaga dan dilayan dengan baik supaya tidak mendatangkan kemudaran kepada manusia. Kepercayaan sebegini sebagai salah satu contoh jika dibiarkan berlarutan tanpa pengawasan pihak berwajib akan mengakibatkan kesesatan kepada masyarakat yang mempercayainya.

Sejarah membuktikan bahawa pelopor ajaran sesat ini lazimnya merupakan mereka yang beragama Islam yang membawa pengaruh ajaran yang diterima sama ada dari Timur Tengah, Indonesia ataupun Indo-Pakistan.⁵ Ajaran sesat yang dikenalpasti sebagai ajaran yang paling awal bertapak di Tanah Melayu ialah ajaran Ahmad Matahari yang mempelopori ajaran Taslim di Kampung Seronok, Bayan Lepas Pulau Pinang pada akhir abad ke-19. Dekad 1930an menyaksikan kewujudan beberapa ajaran yang dikhawatir menyeleweng dari akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti ajaran Qadiani atau Ahmadiyah yang dilaporkan bermula di Selangor iaitu di Jeram, Sungai Tua, Sungai Buluh dan Kampung Nakhoda. Keadaan ini menggesa pihak berkuasa mengkanunkan beberapa undang-undang bagi menyekat penyebarannya.⁶ Sekitar tahun 1950an pula, muncul Ajaran Subud dan Ajaran Martabat Tujuh di Kelantan. Ajaran-ajaran ini khususnya Ajaran Martabat Tujuh telah tersebar hampir di setiap negeri di Malaysia. Ajaran Subud kemudiannya berjaya dihapuskan hingga ke akar umbi dan pengaruhnya menjadi semakin lemah.⁷ Dekad 1960an pula dicemari oleh perkembangan Tarikat Mufarridah, Tarikat Samaniah Ibrahim Bonjol dan beberapa lagi, 1970an Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya, Ajaran Nordin Putih dan sebagainya. Awal 1980an pula menyaksikan kewujudan kumpulan Anti-Hadith, fahaman Syiah, manakala kumpulan Al-Arqam dengan ajaran Aurad Muhammadiyahnya didapati bergiat aktif dengan cara yang tersendiri dan menjadi satu kumpulan yang kaya-raya.

Namun pada 1995, negara digemparkan dengan tindakan pihak berkuasa terhadap kumpulan ini. Ketuanya Ashaari Muhamad dan pengikut-pengikutnya telah ditangkap secara beramai-ramai dan dikenakan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Ekoran dari itu, Ashaari Muhammad telah

⁵ Contoh ajaran Qadiani/Ahmadiyah bersandarkan ajaran Guru bernama Mirza Ghulam Ahmad Qadiani. Bacaan lanjut, lihat antara lain penerangan ajaran Qadiani, Syiah dan sebagainya dalam Himpunan Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh (2002). Selangor: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor.

⁶ Antaranya di Kelantan, Perak, Pahang, Negeri Sembilan dan Selangor. Lihat perbincangan seterusnya untuk penjelasan lanjut.

⁷ Yusof Zaki Yaacob (1960), *Pembongkaran Rahsia Subud*. Kelantan: Pustaka Dian Press. Dipetik dari Ahmad Hidayat Buang (ed.)(2004), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, h. 93.

membuat pengakuan terbuka mengenai pembohongan dakyah mereka serta menyeru seluruh warga al-Arqam supaya bertaubat dan kembali ke pangkal jalan yang benar. Ashaari sendiri berjanji menerusi siaran secara langsung TV1 ketika itu untuk memulihkan pengikutnya. Antara tindakan yang dikenakan terhadap mereka ialah dengan mengadakan siri pemulihan akidah, tetapi tidak dihadiri sepenuhnya oleh pengikut tegarnya.⁸ Antara pengikutnya juga, ada yang menulis pengalaman bersama kumpulan terbabit dan menelanjangi kepincangan kumpulan berkenaan serta mendedahkan kebenaran tentang Ashaari Muhammad beserta kaum keluarganya.⁹ Malah ada juga yang cuba menghidupkannya kembali atas nama lain seperti syarikat berkaitan perniagaan yang dinamakan sebagai Syarikat Rufaqa Corporation Sdn. Bhd.¹⁰

Di Selangor sahaja pada masa kini, terdapat 70 ajaran sesat yang pernah dan sedang diambil tindakan oleh pihak berkuasa agama negeri. Dari jumlah itu, sebanyak 25 ajaran difatwakan sesat, 23 masih dalam siasatan, manakala 22 lagi kes telah selesai. Daripada 25 jenis yang diwartakan sesat itu, didapati juga bahawa 8 ajaran masih lagi aktif manakala 17 dikira sebagai tidak aktif.¹¹

Dengan adanya fatwa yang lengkap tentang ajaran-ajaran menyeleweng yang telah wujud di Negara kita ini, maka sudah tentu jangkaannya ialah ajaran berkenaan akan berakhir, pengikutnya akan sedar dan kembali ke pangkal jalan, fatwa akan berupaya menjadi garis panduan dan sempadan kepada orang lain yang sedar tentang pengharamannya. Namun hakikatnya, tinggalan ajaran berkenaan didapati masih ada dan cuba dikembangkan oleh saki baki pengikutnya. *Modus operandi* penyebaran ajaran sesat ini pula bukanlah secara naif dan terbuka sepertimana ajaran agama berlandaskan Syarak yang diadakan di masjid, surau dan tempat terbuka. Tambahan pula, kadang-kadang ajaran sesat itu tidak kelihatan sesat sepenuhnya kerana bercampur-

⁸ Baca lebih lanjut mengenai perihal kumpulan ini di dalam Himpunan Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh (2002), *op.cit*, hh. 68-75.

⁹ Antaranya Zabidi Mohamed (1998), *Tersungkur Di Pintu Syurga: The Untold Truth and Inside Story of Al-Arqam and I.S.A (Detention Without Trial)*. Kuala Lumpur: Zabidi Publication.

¹⁰ Antaranya difatwakan haram oleh negeri Melaka sejak 2 Ogos 2007. Lihat <http://www.jaim.melaka.gov.my>, akses pada 25 April 2010. Kumpulan bekas penyokong al-Arqam juga bergerak secara jama'i kini atas nama Ikhwan, sebuah kelab poligami yang diterajui oleh anak Ashaari Muhammad dan isteri pertamanya (Hatijah Aam). Sila lihat <http://poligamiikhwan.org.>, akses pada 25 April 2010.

¹¹ Sumber dari Unit Akidah, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor, akses pada 1 Jun 2009.

aduk antara yang benar dengan yang salah. Justeru, jika masyarakat Islam tidak berwaspada dan berhati-hati dengan dakyah yang dibawa, sudah pasti mereka akan terperangkap dengan ajaran yang lazimnya menjanjikan pelbagai “keistimewaan”. Antaranya boleh menunaikan haji dengan mengerjakannya di Sungai Congkak, Hulu Langat, Selangor, boleh nikah batin,¹² tidak perlu solat Jumaat jika ada urusan penting¹³ dan pelbagai lagi dakwaan karut yang bertentangan dengan iktikad Ahl al-sunnah wa al-jamaah.

Tahun lepas pada 2009, apabila Abdul Kahar Ahmad yang lebih dikenali sebagai “Rasul Melayu” dibicara dan disabitkan di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam atas pelbagai kesalahan berkenaan aktiviti beliau selama ini, masyarakat boleh merasa lega kerana satu lagi anasir yang mencetuskan kekeliruan akidah di kalangan umat Islam di negara ini khususnya di Selangor akhirnya berjaya dibanteras. Lima pertuduhan telah dikenakan dan Abdul Kahar telah mengaku salah di atas kelima-lima pertuduhan berkenaan iaitu kesalahan mengajar doktrin palsu¹⁴, membuat dakwaan palsu dengan mengisyiharkan diri sebagai rasul¹⁵, menghina agama Islam¹⁶, mengingkari arahan pihak berkuasa agama¹⁷ dan memberi pendapat yang bertentangan dengan fatwa.¹⁸ Namun hakikatnya, usaha penyiasatan dan penangkapan beliau memakan masa yang panjang iaitu sejak sebelum tahun 2005 lagi, tahun di mana fail kes terhadapnya dibuka di Mahkamah Syariah Shah Alam. Fatwa status haram terhadap ajarannya iaitu Ajaran Salah Haji Kahar bin Haji Ahmad Jalal pula telah difatwakan pada 3 Januari 2007, manakala buku karangannya bertajuk *al-Furqaan-Pembeda* telahpun diharamkan di Selangor kerana menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar.¹⁹

¹² Ajaran Zamree bin Ab Wahab yang telah difatwakan haram pada tahun 2001 berdasarkan Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam Selangor 1989.

¹³ Ajaran Haji Banuar bin Roslan yang difatwakan haram pada tahun 2000 berdasarkan Enakmen Pentadbiran Perundungan Islam Selangor 1989.

¹⁴ Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (EJSS 1995).

¹⁵ Seksyen 8 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (EJSS 1995).

¹⁶ Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (EJSS 1995).

¹⁷ Seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (EJSS 1995).

¹⁸ Seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (EJSS 1995).

¹⁹ Lihat <http://e-fatwa.intranetportal.my>, akses 13 April 2010. Lihat juga Himpunan Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh (2002), *op.cit.* Ia juga diharamkan di Wilayah Persekutuan. Lihat *Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2007*, Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.

Di Besut, Terengganu, gelagat Arifin Muhamad yang lebih dikenali sebagai “Ayah Pin” yang membina perkampungan ibadat di kawasan kediaman beliau menarik perhatian awam. Pihak berkuasa tempatan akhirnya merobohkan binaan-binaan pelik yang dibinanya atas alasan tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan. Di samping itu, ajarannya yang dikenali sebagai Kumpulan Ratib Kuat Ayah Pin sememangnya telah diketahui bertentangan dengan Hukum Syarak dan difatwakan haram di hampir kesemua negeri sejak tahun 1992 lagi.²⁰ Namun, cubaan untuk menangkap dan membawa Ayah Pin ke muka pengadilan seringkali menemui jalan buntu, biarpun markasnya pernah diserbu pihak berkuasa beberapa tahun lepas.²¹ Setakat ini tindakan yang telah diambil terhadap pengikutnya, adalah didakwa dan disabitkan di bawah seksyen 10 iaitu berkaitan kesalahan menghina atau mengingkari pihak berkuasa agama dan seksyen 14 iaitu memiliki penerbitan agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak.²² Sebelum itu pun, beberapa orang pengikut Ayah Pin di Kelantan telah pun didakwa dan didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu Kelantan atas kesalahan membuat istiadat atau perkara yang berlawanan dengan hukum syarak atau fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).²³

Pada tahun 2008, akhbar mendedahkan wujud sekurang-kurangnya dua lagi bentuk kesesatan yang bertopengkan konsep perniagaan *multi-level marketing* (MLM) yang mensasarkan pengikutnya mencari ahli tambahan dan mendapat tebusan dosa jika berjaya menambah pengikut baru, manakala satu lagi berkaitan seorang lelaki berusia 60-an dikenali sebagai “Bang Chik” yang menggelarkan dirinya Guru Yahu dan mengajar pengikutnya berzikir

²⁰ Keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu pada 12/01/1992. Lihat <http://mufti.terengganu.gov.my>, 20 April 2010.

²¹ Terdapat laporan bahawa Ayah Pin berada di Selatan Thailand sebelum ini dan telah pun kembali ke Semenanjung dan bergerak di sekitar Kuala Lumpur. Pelbagai pihak mempersoalkan kenapa beliau tidak ditangkap. Ironi pula apabila pihak PDRM mendakwa tidak dapat menahan Ayah Pin kerana tidak mendapat kebenaran daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Lihat *Utusan Malaysia*, “Polis Terengganu diarah dapatkan penjelasan JHEAT”, 14 November 2008.

²² Maklumat dari Ketua Pendakwa Syarie Terengganu Tuan Mustafar Hamzah hasil temubual penulis dengan di pejabat beliau di Kuala Terengganu pada 4/11/08.

²³ Kes *Pendakwa Syarie Kelantan lwn Mohamed bin Ya dan Lain-Lain*. (Kes Jenayah Bilangan 2/92, Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan). Juga kes rayuan *Mohamed bin Ya dan lain-Lain lwn Pendakwa Syarie Kelantan* (Kes Rayuan Bilangan 1/96, Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan).

sahaja tanpa perlu melakukan ibadat lain.²⁴ Terbaru pada tahun 2010 ini, satu lagi yang bertopengkan perubatan Islam telah berjaya dibanteras menerusi penangkapan satu kumpulan di Putrajaya dan kini sedang berhadapan dengan prosiding di Mahkamah Syariah.²⁵ Dengan adanya pelbagai bentuk ajaran baru yang didedahkan oleh pelbagai pihak, maka kita perlu juga melihat sama ada undang-undang yang ada kini mampu dan bersedia untuk digunakan bagi membanteras perkembangan ajaran yang tidak diingini itu.

Dari perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa permasalahan berkaitan ajaran yang menyeleweng dari Islam ini seringkali dilakukan dengan pelbagai topeng bagi menarik pengikut yang akan terpesona dengan dakwaan karut-marut. Soalnya, apakah langkah dan usaha pihak kerajaan pula dalam mengekang penyebaran ajaran sesat jika *modus operandi* sebegini terus dijalankan.

KEWUJUDAN PERUNTUKAN MENGEKANG AJARAN SALAH: SATU RETROSPEKTIF

Sebelum dibincangkan peruntukan undang-undang yang terkini berkaitan ajaran sesat, perlu ditinjau kewujudan peruntukan yang dikanunkan bagi menghalang penyebaran ajaran salah di peringkat awal dahulu. Didapati sudah terdapat beberapa peruntukan berkaitan kawalan elemen yang boleh menjurus kepada penyebaran ajaran yang menyeleweng, misalnya mengajar agama tanpa kebenaran dan mencetak buku agama tanpa kebenaran Sultan. Peruntukan berkenaan sama ada di bawah enakmen kesalahan jenayah mahupun enakmen pentadbiran undang-undang Islam. Antara statut yang dikenalpasti mengandungi peruntukan berkaitan kesalahan tersebut ialah Undang-Undang Kesalahan Orang-Orang Islam (*Muhammedan (Offences) Law*). Menurut sejarah, Enakmen Orang-Orang Islam, Bab 198 (*Muhammedan Laws Enactment, Chapter 198*) 1904 telah diperkenalkan di empat buah negeri iaitu Selangor, Pahang, Perak dan Negeri Sembilan (Negeri-Negeri Selat). Enakmen ini kemudiannya dimansuhkan dan diganti dengan Enakmen (Kesalahan-Kesalahan) Orang Islam 1937 (*Muhammedan (Offences) Enactment 1937*). Di Johor pula, tugas penguatkuasaan jenayah syariah telah dimulakan dengan

²⁴ Kosmo, “Ajaran MLM ganti solat”, 16 November 2008; Kosmo, “Cacing Kepanasan”, 18 November 2008. Pihak JAIS dikatakan sedang melakukan siasatan terhadap kes ini. Satu lagi dikatakan bergiat di beberapa daerah di Pahang; Kosmo, “Guru Yahu Jamin Syurga Kepada 2000 Pengikut”, 2 September 2008.

²⁵ Sebutan kes ini telah didengar di Mahkamah Syariah Putrajaya pada 21 April 2010 yang lalu.

kewujudan Enakmen Kesalahan-Kesalahan Orang Islam Bil.25/1919. Di Negeri Sembilan ia dinamakan sebagai Arahan Majlis (Kesalahan-Kesalahan) Orang Islam 1938, manakala di Selangor sebagai Enakmen Kesalahan-Kesalahan Orang-Orang Islam 1938. Di Kelantan, peruntukan berkenaan wujud di bawah Undang-Undang Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan Mahkamah Qadhi, No 1 Tahun 1953, termasuk kesalahan mengajar ajaran palsu dan yang berlawanan dengan Hukum Syarak (seksyen 187) dan kesalahan mengecap atau mengeluarkan atau menjual kitab-kitab yang salah daripada Hukum Syarak (seksyen 189).

Pada bahagian akhir zaman pemerintahan British, usaha telah dibuat bagi menyatukan semua bahagian undang-undang yang berkaitan dengan Islam dalam satu enakmen.²⁶ Di dalam enakmen pentadbiran Islam yang pertama di Tanah Melayu, iaitu Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952, terkandung peruntukan seksyen 166 berkaitan peraturan mengenai keperluan memiliki tauliah mengajar agama kepada orang awam. Bagi menyekat penyebaran ajaran karut terbabit, Enakmen 1952 telah menjelaskan mengenainya di bawah Seksyen 167 yang menjelaskan seperti berikut:

“Siapa-siapa mengajar ataupun menerangkan kepada orang ramai apa-apa ilmu Ugama atau membuat apa-apa temasya atau perbuatan yang berkaitan dengan Ugama Islam di atas jalan berlawanan dengan Undang-undang Ugama Islam hendaklah disecka selama tiada lebih daripada tiga bulan atau denda tidak lebih daripada dua ratus lima puluh ringgit”.

Kini, lima dekad selepas Merdeka, undang-undang telah diperhalusi dan ditambah lagi bagi menjadikannya sesuai dengan keadaan dan cabaran yang dihadapi pada masa kini.

PERUNTUKAN BERKAITAN AJARAN SESAT DI BAWAH ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DAN LAIN-LAIN PADA MASA KINI

Apabila peruntukan kesalahan jenayah syariah diselaraskan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah, maka peruntukan yang ada dan relevan berkenaan mencegah penyebaran ajaran ini adalah sebagaimana yang terdapat di Wilayah Persekutuan. Peruntukan kesalahannya adalah seperti berikut:

²⁶ Hamid Jusoh (t.t), “Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia”, dalam Nasimah Hussin *et.al* *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

i. **Pemujaan salah²⁷**

Seksyen 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (selepas ini Akta 559) menyebut:

“Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya”.

ii. **Doktrin palsu²⁸**

Seksyen 4 menjelaskan:

“Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam dimana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu”.

²⁷ Seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 8 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992; Seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 47 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004; Seksyen 4 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 3 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001; Seksyen 61 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

²⁸ Seksyen 4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 9 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992; Seksyen 4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 34 Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991; Seksyen 4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 60 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991; Seksyen 7 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 4 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001.

iii. Mengembangkan doktrin agama dsb²⁹

Seksyen 5 menegaskan:

“Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

iv. Dakwaan palsu³⁰

Seksyen 6 menyebut:

“Mana-mana orang yang:

*(a) mengisyiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai Rasul atau Nabi, Imam Mahadi atau wali; atau
(b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia, sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”*

²⁹ Seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992; Seksyen 4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004; Seksyen 5 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah WP 1997; Seksyen 5 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001; Seksyen 52 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

³⁰ Seksyen 6 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 11 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992; Seksyen 4 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 3 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 8 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 6 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 6 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001.

v. Menghina dan menyebabkan dipandang hina dll. agama Islam³¹

Seksyen 7 berbunyi:

*“Mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain-
(a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;
(b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau
(c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”*

vi. Mengajar agama tanpa tauliah³²

Seksyen 11 menyebut:

“Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang diberikan di bawah seksyen 96 Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

³¹ Seksyen 7 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 14 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992; Seksyen 8 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 7 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 62&63 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991; Seksyen 50 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004; Seksyen 10 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 7 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 7 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001; Seksyen 55&56 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

³² Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997 Seksyen 8 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 33 Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991; Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 70 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991; Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004; Seksyen 14 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 11 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 11 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001; Seksyen 49 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

Maksud mengajar di sini termasuklah memberi ceramah, tazkirah atau perkara-perkara yang berhubungan dengannya, tentang agama Islam kepada orang ramai.³³

vii. Pendapat yang bertentangan dengan fatwa³⁴

Seksyen 12 menegaskan:

“Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”

Dalam kes *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Haji Mohamed bin Ya*,³⁵ tertuduh yang memperkenalkan ajaran Ratib Kuat iaitu amalan beratib atau berzikir yang dilakukan dengan suara yang kuat dari waktu tengah malam hingga ke awal pagi, aktif menyebarkan ajarannya di sekitar Kampar, Perak. Beliau telah dituduh menghuraikan ajaran Islam dengan mendakwa bahawa sembahyang Jumaat diadakan pada hari Sabtu dan khutbah Jumaat juga sepatutnya dibaca pada malam Sabtu iaitu antara waktu Maghrib dan Isyak. Beliau telah didakwa mengajar ajaran karut, perbuatan yang bertentangan dengan seksyen 169(1) Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 1965. Beliau telah didapati bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama tiga bulan.

Begini juga dengan satu lagi kes yang memesongkan ajaran agama iaitu *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Ishak bin Saad*.³⁶ Dalam kes ini

³³ Kaedah 2, Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Tauliah Mengajar Agama Islam) 2006.

³⁴ Seksyen 12 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 21 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992; Seksyen 12 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 39 Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991; Seksyen 12 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 47 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991; Seksyen 51 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004; Seksyen 13 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 12 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 12 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001; Seksyen 50 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

³⁵ Fail kes No 15-56/91 Mahkamah Syariah Ipoh Perak.

³⁶ Fail Kes no. 422/87, Mahkamah Syariah Ipoh, Perak.

tertuduh mengaku memutarbelitkan intipati kitab *Kasyful Asrar* dalam ajaran kepada pengikutnya. Tertuduh telah dipenjarakan selama tiga bulan dan didenda sebanyak RM250.

viii. Penerbitan yang bertentangan dengan Hukum Syarak³⁷

Seksyen 13 Akta 559 menjelaskan:

“(1) Mana-mana orang yang:

(a) mencetak, menyiarkan, menerbitkan, merakamkan, mengedarkan atau dengan apa-apa cara lain menyebarkan apa-apa buku, risalah, dokumen atau apa-apa bentuk rakaman yang mengandungi apa-apa juga yang bertentangan dengan Hukum Syarak; atau (b) ada dalam miliknya apa-apa buku, risalah, dokumen atau rakaman sedemikian,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(2) Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana buku, risalah, dokumen atau rakaman yang disebut dalam subseksyen (1) dilucutahkan dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan berkaitan dengan buku, risalah, dokumen atau rakaman itu.”

Pertuduhan seumpama ini pernah dikenakan terhadap seorang wanita dalam kes *Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Meriam binti Ahmad Shaharudin*.³⁸ Tertuduh merupakan pelopor Ajaran Meriam dan telah menerbitkan beberapa buah buku ‘agama’ yang hakikatnya berlawanan dengan ajaran Islam yang sebenar. Beliau didakwa di bawah seksyen 168(1) Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Perak 1965 (pada masa itu) kerana menerbitkan buku yang bertentangan dengan hukum Syarak dan menulis beberapa pucuk surat kepada pembesar negeri Perak yang dikatakan berkaitan dengan hukum tetapi sebenarnya menyeleweng dari ajaran Islam.

³⁷ Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997; Seksyen 22 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 Seksyen 14 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001; Seksyen 36 Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991; Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996; Seksyen 48 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991; Seksyen 54 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004; Seksyen 16 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995; Seksyen 13 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997; Seksyen 13 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001; Seksyen 51 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

³⁸ Fail kes No. 15-715/91, Mahkamah Syariah Ipoh Perak.

Beliau mendakwa buku yang ditulis itu adalah hasil dari suara yang datang kepadanya dan hanya didengar oleh beliau seorang sahaja. Beliau juga menegaskan bahawa beliau telah ditugaskan untuk memperbetulkan akidah umat Islam yang sudah rosak. Di akhir perbicaraan, beliau didapati bersalah dan dikenakan denda sebanyak RM500. Kesemua peruntukan di atas boleh dikenakan bukan sahaja terhadap pelopor atau ketua ajaran salah, malah pengikutnya juga yang didapati menjalankan amalan atau upacara yang diharamkan itu.

Dalam pada itu di Terengganu, terdapat satu lagi kesalahan yang tidak terdapat di negeri lain iaitu kesalahan di bawah seksyen 15 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001 iaitu kesalahan memutarbelitkan ajaran dan hukum hakam agama Islam. Berlainan dengan peruntukan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, di mana seksyen 93(1) melarang sesiapa sahaja daripada menganut, mengajar, memberi penerangan dan menyebar kepada orang lain dengan apa cara sekalipun atau melakukan apa-apa amalan atau upacara yang berupa ibadat yang bercanggah dengan Hukum Syarak atau mana-mana mazhab yang muktabar atau fatwa yang sah daripada Majlis, sama ada di rumahnya atau di lain-lain tempat dalam negeri Kelantan.

Setelah memahami segala peruntukan yang ada, soalnya adakah peruntukan ini semua senang untuk dilaksanakan. Untuk memahami cabaran pelaksanaan undang-undang, maka realiti yang dihadapi oleh pihak penguatkuasa agama dan bahagian pendakwaan dalam menguatkuasa dan mentadbir peruntukan berkenaan, di samping isu berkenaan penguatkuasaan dan pemakaian fatwa sama ada diwartakan atau yang belum diwartakan juga akan dibincangkan.

MENANGANI AJARAN SESAT: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG DAN FATWA SERTA PEMULIHAN AKIDAH

Dalam usaha menangani penyebaran dan pengamalan ajaran sesat di negara ini, terdapat tiga aspek yang perlu diberi penekanan. Pertama dari segi status ajaran itu sendiri sama ada yang difatwakan atau tidak; kedua, membabitkan usaha pembanterasan iaitu pencegahan penyebaran dan penguatkuasaan fatwa serta undang-undang. Yang ketiga berkaitan dengan usaha pemulihan iaitu mengembalikan pengikut ajaran sesat ke pangkal jalan menerusi pemulihan akidah dan kepercayaan. Ketiga-tiga aspek ini dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah ini.

Pengeluaran Fatwa, Pewartaan dan Penguatkuasaannya

Jika ditinjau fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negeri, didapati bahawa banyak juga fatwa yang berkaitan dengan pengharaman ajaran salah. Dalam satu kajian pada tahun 2000, Khadijah Hambali menyimpulkan bahawa fatwa berhubung pengharaman ajaran sesat merupakan kategori fatwa yang kerap dikeluarkan dan diwartakan oleh hampir setiap Jabatan Mufti negeri.³⁹ Apa yang lebih ketara ialah, hampir 33% daripada kategori fatwa dalam bidang Usuluddin menyentuh tentang ajaran sesat.⁴⁰ Soalnya, setelah difatwakan haram, bagaimanakah pula dari segi penguatkuasaan fatwa berkenaan oleh pihak berkuasa, sejauhmanakah ia mengikat umat Islam untuk mematuhiinya dan adakah masyarakat Islam menyedari kewujudan fatwa-fatwa berkaitan ajaran salah itu.

Fatwa yang dikeluarkan oleh mana-mana jawatankuasa fatwa negeri atau kebangsaan, masih belum mempunyai sebarang kesan baik dari segi penguatkuasaan mahupun kuasa perundangan. Fatwa yang dikeluarkan hanyalah menjelaskan kedudukan hukum sesuatu perkara dan ia tidak mengikat untuk diikuti. Hanya setelah ia diwartakan barulah ia ada kuasa dari segi perundangan. Maknanya, setiap umat Islam adalah terikat dan perlu mentaati fatwa berkenaan. Seksyen 31(3) dan (4) Enakmen Perundangan Islam Selangor 1989 menjelaskan:

(3) Sebaik sahaja dijelaskan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat orang Islam yang tinggal di negeri Selangor sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajipannya mengikuti dan berpegang dengan fatwa itu, kecuali ia dibenarkan oleh Hukum Syarak, menyimpang dari fatwa itu dalam hal kewajipan peribadi, kepercayaan atau pendapat.

³⁹ Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2004), “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah” dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, h. 193. Lihat juga Ahmad Hidayat Buang (2002), “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia.” *Jurnal Syariah*, 10(1), hh. 39-52. Untuk memahami proses ijtihad dalam pengeluaran fatwa. Lihat Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal (2009), “Ijtihad dalam Institutsi fatwa di Malaysia: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*, 17(1), hh. 195-222.

⁴⁰ Lihat lebih lanjut dalam Ahmad Hidayat Buang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2004), “Bentuk dan Statistik Fatwa”, Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya, h. 135.

(4) *Sesuatu fatwa hendaklah diiktiraf dalam semua Mahkamah dalam negeri Selangor sebagai yang penuh berkuasa dalam perkara yang ditetapkan itu.*

Pada realitinya pula, tidak semua fatwa ini diwartakan dan sesetengahnya pula mengambil masa untuk diwartakan. Isu pewartaan fatwa berkait rapat dengan keputusan pihak kerajaan sama ada hendak mewartakan sesuatu fatwa atau sebaliknya bergantung kepada faktor semasa dan kepentingan yang dipertimbangkan. Sebagai contoh fatwa pengharaman Tarikat Naqsyabandiah Kadirun Yahya dikeluarkan pada tahun 1985, tetapi hanya diwartakan pada tahun 1995.⁴¹ Setelah fatwa diwartakan, implikasinya ialah sesiapa yang melanggar fatwa berkenaan boleh diambil tindakan berdasarkan undang-undang yang ada, antara lain, seksyen 12 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 kerana tidak mematuhi fatwa. Sekadar memberi alasan tidak tahu wujudnya fatwa berkenaan seperti dalam kes *Pendakwa Syarie lwn Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohammad dan Sharina Shaari*,⁴² yang mendakwa tidak tahu wujud fatwa haram bagi wanita Islam menyertai apa-apa jenis pertandingan ratu cantik tidak boleh diterima di sisi undang-undang.

Berkenaan dengan pengetahuan masyarakat tentang sesuatu fatwa, sama ada yang diwartakan atau tidak, ia ada kaitan dengan sejauhmana usaha dan inisiatif yang dijalankan oleh setiap pihak berkuasa negeri. Pada masa kini, apa yang ketara ialah tidak semua negeri mengambil usaha untuk mencetak dan menyebarkan koleksi fatwa yang ada untuk tatapan, bacaan dan pengetahuan masyarakat umum secara percuma. Kalau ada dicetak sekalipun, ia tidak disebarluaskan dengan meluas, seperti diletak di masjid-masjid negeri, disebarluaskan di sekolah-sekolah, kolej, universiti atau agensi kerajaan dan swasta. Mungkin koleksi fatwa ada diletakkan di dalam laman sesawang jabatan agama Islam negeri dan juga laman web e-fatwa⁴³, tetapi sudah tentu khalayak yang berminat mencari di situ adalah golongan tertentu sahaja. Dalam kes melibatkan Ayah Pin contohnya, fatwa pengharamannya telah pun diputuskan dan boleh dikatakan hampir semua negeri telah mewartakan pengharamannya. Akan tetapi, kenapa pula sesetengah anggota masyarakat masih boleh diperdayakan oleh orang sebegini. Adakah kerana mereka terlalu taasub dengan kuasa dan

⁴¹ Himpunan Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh (2002), *op.cit.* Lihat perbincangan lanjut dalam Mazni Abdul Wahab (2004), “Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya”, *Jurnal Syariah*, 12(2), hh. 123-147.

⁴² *Jurnal Syariah*, 8:1 [2000] 137-152.

⁴³ <http://www.e-fatwa.gov.my>, akses pada 28 April 2010.

keistimewaan yang ada padanya atau tidak tahu tentang pengharaman ajaran ini kerana maklumat mengenainya tidak disebarluaskan secara meluas. Namun, masalah dengan ajaran sesat ini ialah terdapat juga ajaran yang baru bertapak dan masih belum berjaya dihidu oleh pihak berkuasa. Justeru, statusnya masih sama-sama terutama apabila ia mencampur adukkan antara yang kebenaran dengan kebatilan. Dalam hal ini, masyarakat awam hendaklah turun padang dan membantu pihak berkuasa dengan membuat aduan dan bekerjasama mengemukakan maklumat apabila berkaitan.

Tindakan Penguatkuasaan dan Pendakwaan: Pengumpulan Bukti dan Maklumat

Sebagaimana yang disebut di atas, membanteras ajaran sesat daripada merebak dalam masyarakat memerlukan kerjasama anggota masyarakat sendiri dalam merealisasikan tanggungjawab *amar makruf nahi mungkar*. Pendakwaan ke atas sesuatu kes ajaran sesat bergantung kepada kekuatan bukti yang dikumpul oleh unit siasatan Bahagian Penguatkuasaan di bawah jabatan agama Islam negeri.

Apabila wujud sesuatu aduan berkaitan aktiviti berkaitan ajaran sesat, pegawai penguatkuasa agama perlu menjalankan risikan terlebih dahulu bagi mengenal pasti keadaan aktiviti yang dilaporkan. Dalam keadaan tertentu juga, mereka perlu menentukan seksyen manakah yang relevan dengan aduan bagi membolehkan siasatan dan risikan dijalankan. Ini penting kerana dalam menjalankan siasatan, fokus pengumpulan maklumat dan bukti mestilah terarah kepada memenuhi elemen-elemen kesalahan yang diadukan itu.

Cabarannya dalam pengumpulan bukti ialah bagaimana mendapatkan *first-hand information*. Boleh dikatakan bahawa hampir kesemua kumpulan ajaran sesat ini secara amnya bergerak secara rahsia terutama menjalankan kegiatannya di malam hari atau awal pagi dan di lokasi tertentu yang mana aksesnya adalah terhad dan kurang disedari oleh masyarakat sekeliling. Ini sedikit sebanyak menyukarkan pihak berkuasa agama untuk mengumpul maklumat dan bukti. Dalam hal ini, pegawai penguatkuasa agama banyak bergantung kepada maklumat orang awam, khususnya pengikut atau bekas pengikut yang telah kembali ke pangkuan jalan yang secara sukarela menjadi pelapor atau pengadu. Maklumat daripada bekas pengikut amat membantu dalam membuka jalan ke arah tindakan selanjutnya. Maklumat yang diperolehi perlu dirakam dan bekas pengikut itu mesti menjadi saksi utama dalam perbicaraan. Ini kerana maklumat yang dirakam semata-mata menjadi *hearsay evidence* yang tidak dapat diterima oleh mahkamah (seksyen 60 Akta Prosedur Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997). Di samping itu, usaha pengumpulan bukti

juga menuntut mereka membuat penyamaran sebagai ahli kumpulan dalam usaha menyiasat kegiatan itu. Amat jelas bahawa penyamaran merupakan satu-satunya jalan untuk menembusi masuk aktiviti yang dilakukan. Setiap kes yang disiasat memerlukan pelbagai bentuk bukti antaranya yang berbentuk *hard evidence*, di samping keterangan saksi dan sebagainya. Untuk itu, serbuan ketika aktiviti sesat sedang berlangsung amatlah penting dalam mendapatkan bukti yang diperlukan. Pegawai terbabit mestilah dapat mengenal pasti tarikh, masa, perlakuan salah atau aktiviti suspek dan tempat yang menjadi sasaran serbuan. Inilah cabaran utama yang perlu dihadapi kerana kadang-kala tidak semua perkara berkenaan dapat disempurnakan.

Dalam kes yang melibatkan Ayah Pin misalnya, walaupun lokasinya dapat dikesan, namun bukti yang diperlukan ialah bukti fizikal dia sedang melakukan sesuatu upacara, menyebut atau mendakwa sesuatu yang bertentangan dengan Syarak atau berkata sesuatu yang menepati maksud mana-mana kesalahan gagal diperolehi sehingga kini. Terdapat pelbagai kenyataan yang dikeluarkan olehnya yang disiarkan dalam akhbar dan laman sesawang. Antaranya beliau mendakwa dirinya tuhan, mengatakan bahawa semua agama adalah sama dan boleh menganut mana-mana agama kerana tuhan adalah satu serta pelbagai lagi dakwaan karut yang bertentangan dengan Islam. Dalam hal ini, pegawai penyiasat di kalangan pegawai penguatkuasa agama mesti mengadakan siasatan lanjut seperti mengkaji kesahihan dakwaan ini. Pemberita yang menemuramah yang mendengar beliau berkata sedemikian boleh disoal-siasat demi mendapatkan keterangan mengenai dakwaan tersebut beserta dengan maklumat tentang tarikh, masa dan tempat beliau menyatakan sedemikian. Jika cukup bukti, ini barangkali memadai untuk mensabitkannya di bawah kesalahan membuat dakwaan palsu seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Terengganu (Takzir) 2001, seksyen 4 Enakmen yang sama bagi kesalahan mengajar doktrin palsu dan seksyen 5 bagi kesalahan mengembangkan doktrin agama selain dari agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam. Bukan satu akhbar yang didapati menyiaran kenyataan sedemikian baru-baru ini baik media cetak maupun menerusi laman web (contoh <http://www.malaysiakini.com>) ataupun rakaman dalam bentuk *vcf*.

Sungguhpun pihak penguatkuasa agama mempunyai peraturan bahawa mereka hanya boleh bertindak sekiranya ada aduan, barangkali mereka boleh menggunakan kuasa budibicara agar di kalangan mereka sendiri yang menjadi pengadu bagi maksud mengisi Borang 5 seperti yang dikehendaki oleh undang-undang tatacara jenayah syariah. Oleh kerana kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 4,5 dan 6 seperti yang dijelaskan di atas merupakan kesalahan boleh tangkap, maka pihak berkuasa agama tidak perlu mendapatkan waran

tangkap terlebih dahulu ataupun mendapat keizinan menyiasat daripada Ketua Pendakwa Syarie. Walaupun kertas siasatan terhadapnya telahpun dibuka di Besut, Terengganu, namun jika dia disyaki melakukan kesalahan yang serupa di negeri lain, maka dia juga boleh didakwa di negeri berkenaan seperti yang berlaku kepada *Mohamed bin Ya* yang pernah didakwa di Ipoh, Kota Bharu dan juga Besut. Sungguh pun begitu, terdapat pelbagai cabaran dari segi tatacara pengendalian siasatan terhadap kes ajaran sesat ini. Seseorang suspek yang ditahan untuk siasatan, hanya boleh ditahan selama tempoh 24 jam sahaja. Memandangkan soal-siasat dan rakaman percakapan suspek tidak boleh diambil secara mandatori, maka sekiranya suspek enggan bekerjasama memberikan keterangan dalam tempoh berkenaan, maka tiada sebarang tindakan dapat dikenakan. Selepas 24 jam, beliau hendaklah dihadapkan ke mahkamah jika pertuduhan telah berjaya disediakan oleh pihak pendakwa. Jika tidak, maka dia mesti dibebaskan. Apabila dibebaskan, kadang-kala mereka ini tidak dapat dikesan lagi kerana telah berpindah ke tempat lain. Ini menyebabkan fail kes itu tidak dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Dari segi sumber tenaga kerja pula, didapati penguatkuasa agama, seperti pegawai hal ehwal Islam di jabatan agama Islam yang lain juga, tertakluk kepada pertukaran bahagian, kenaikan pangkat dan sebagainya. Terdapat keadaan di mana pegawai yang mengendalikan penyiasatan sesuatu kes telah pun berpindah ke bahagian lain. Ini menyebabkan fail kes yang belum diselesaikan itu tergendala dan tidak dapat diteruskan kerana pegawai yang mengantikannya masih belum ada atau belum serasi dengan tugas.

Apabila pendakwaan berjaya dilakukan di mahkamah, suspek ajaran sesat akan diadili dan mahkamah akan menentukan status mereka sama ada bersalah atau tidak. Sekiranya mereka didapati bersalah, maka hukuman yang bakal dikenakan mestilah juga termasuk proses pemulihan akidah yang hanya dapat dilaksanakan di pusat bimbingan Islam sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen akta/enakmen kesalahan jenayah syariah negeri.⁴⁴ Hakim mestilah mengenakan hukuman dihantar ke pusat bimbingan Islam sebagai satu hukuman mandatori, tidak melebihi enam bulan sebagai ganti pemerjaraan biasa. Soalnya sekarang, adakah pusat ini wujud di setiap negeri sebagaimana yang semestinya.

⁴⁴ Menurut undang-undang, pesalah yang disabitkan di bawah seksyen 4, 5, 7, 8, 9 hendaklah dihantar ke pusat bimbingan Islam.

Pemulihan Pengikut Ajaran Sesat: Peranan Pusat Pemulihan Akidah

Jika diperhatikan sejak peristiwa Nabi palsu di zaman selepas Nabi Muhammad s.a.w, hanya satu sahaja hukuman yang dilaksanakan terhadap mereka yang mendakwa dirinya nabi iaitu hukuman bunuh.⁴⁵ Tidak lagi diminta bertaubat atau dipulihkan akidah mereka. Ini mungkin bersesuaian dengan *darar* yang berlaku, yakni bukan sahaja mengaku diri sebagai Nabi, malah memerangi Islam secara terang-terangan sehingga memecah-belahkan umat dan pelbagai lagi kemasuhanan.

Dalam kes *Pendakwa Syarie Selangor lwn. Abdul Kahar Ahmad*,⁴⁶ pesalah berusia 72 tahun yang didapati bersalah atas lima kesalahan berkaitan ajaran salah, telah dihukum penjara selama sepuluh tahun, denda RM16,500 dan enam kali sebatan dan perlu menjalani proses pemulihan selepas dipenjarakan itu di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ulu Yam Selangor. Ini bermakna beliau akan menjalani hukuman penjara biasa terlebih dahulu di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia dan selepas habis tempoh sepuluh tahun baru menjalani proses pemulihan sebagaimana yang diperintahkan oleh mahkamah syariah. Timbul persoalan di sini iaitu, bilakah pula proses taubat perlu dilakukan olehnya dengan pemantauan pihak berkuasa. Adakah memadai mendapatinya bersalah, tanpa memastikan yang beliau benar-benar telah insaf dan bertaubat. Jika begini keadaannya, timbul persoalan tentang keadaan beliau dalam penjara serta jangka hayatnya. Berkemungkinan (hanya kemungkinan) penyebaran ajaran boleh berlaku jika dia belum benar-benar insaf dan bertaubat atas kesalahannya. Apakah bentuk pemulihan yang bakal dilaluinya dalam tempoh pemenjaraannya. Jika dia menjalani proses kaunseling biasa dan menjalani kehidupan sebagaimana banduan lain, maka bagaimana kita dapat memastikan akidahnya telah diperbetulkan. Adalah lebih baik jika proses pemulihan akidah dijalankan terus di penjara dengan menugaskan pegawai agama sedia ada untuk mengendalikan pesalah sebegini atau dia diasingkan terus dari banduan lain dengan meletakkannya di blok

⁴⁵ Contohnya individu yang mengaku dirinya sebagai Nabi (palsu) seperti Aswad al-Insi, Musailamah al-Kazzab dan sebagainya. Naratif mengenainya terdapat dalam pelbagai buku, antaranya Muhammad Isa Selamat & Hj Ahmad M.A Ghaffar (t.t), *Murtad: Kesan dan Kisah Mengenainya*, Kuala Lumpur: Pustaka Nu'man.

⁴⁶ Kes Jenayah 10200-108-0025/2005, 10200-107-0042/2005, 10200-136-0043/2005, 10200-109-0044/2005, 10200-134-0045/2005, Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor. Sebelum itu, terdapat satu lagi kes Abdul Kahar dibicarakan di Mahkamah Persekutuan. Baca lebih lanjut di *Abdul Kahar Ahmad v. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan; Kerajaan Malaysia & Anor (interveners)* [2008] 4 CLJ 309.

khas untuk pesalah akidah. Di sinilah kerjasama di antara pihak mahkamah syariah dan Jabatan Penjara Malaysia serta institusi seperti jabatan agama Islam amatlah perlu bagi menyelaraskan perkara ini. Berkenaan dengan pengikut ajaran salah pula, proses yang sama perlu dikenakan terhadap mereka iaitu didakwa di mahkamah dan jika didapati bersalah, dijatuhi hukuman penjara dan diwajibkan menjalani proses pemulihan akidah.

Dalam kes *Mohamed bin Ya dan Lain-Lain lwn Pendakwa Syarie Kelantan*,⁴⁷ lima orang tertuduh telah disabitkan atas kesalahan melakukan adat istiadat yang bertentangan dengan agama Islam. Mereka adalah pengikut ajaran Kumpulan Ratib Kuat Ayah Pin, sebuah kumpulan yang telah difatwakan haram di Kelantan ketika itu. Dalam rayuan mereka terhadap hukuman penjara, satu tahun, Mahkamah Rayuan telah mengubah hukuman berkenaan kepada berkelakuan baik selama tempoh tiga hingga lima tahun. Dalam tempoh berkenaan mahkamah telah mengarahkan agar mereka melaporkan diri kepada kadi jajahan tempat tinggal mereka untuk melafazkan taubat. Akan tetapi, disebabkan masalah pengurusan, ketidakselarasan arahan dan ketiadaan garispanduan taubat, maka taubat tersebut dikatakan tidak berjaya direalisasikan.⁴⁸

Satu isu berbangkit di sini ialah tentang status pusat bimbingan Islam (PBI) yang merupakan tempat khas yang diperuntukkan untuk memurnikan akidah pesalah. PBI ini boleh disediakan berdasarkan peruntukan undang-undang, umpamanya seksyen 53 dan seksyen 54 (1); Enakmen Jenayah Syariah Selangor No. 9, 1995. PBI merupakan sebuah pusat di bawah kendalian Majlis Agama Islam negeri dan ia mempunyai objektif sebagai pusat bimbingan dan kaunseling bagi mereka yang memerlukan pemulihan akidah. Setakat ini hanya negeri Selangor sahaja yang mengadakan PBI ini dan menamakannya Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman. Manakala negeri lain masih belum menunjukkan sebarang usaha ke arah pembinaannya biarpun dari segi undang-undang, ia dibolehkan. Pengurusan dan pentadbiran pusat ini dibuat berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pusat Pemurnian Akidah Baitul

⁴⁷ Kes Rayuan Jenayah Bilangan 1/96, Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan.

⁴⁸ Mengikut rekod pada peguambela mereka, salah seorang telah pergi ke Pejabat Agama daerah Pasir Putih untuk menzahirkan taubat, namun pegawai di situ dikatakan tidak melayan mereka kerana tiada arahan atau surat rasmi dari mahkamah kepada mereka untuk menguruskan taubat berkenaan. Lihat lebih lanjut dalam Roshaidin Othman (2003), “Kes Mohamed bin Ya dan Lain-Lain lwn Pendakwa Syarie Kelantan: Satu Komentar”, (Latihan Ilmiah, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya). Latihan ilmiah ini dibuat dengan penyeliaan penulis.

Iman 2001. Ia menjadi pusat tahanan kepada pesalah yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah bagi menjalani hukuman kerana melakukan kesalahan yang berhubungan dengan aqidah sama ada di Selangor atau negeri lain. Walaubagaimanapun dalam masa yang sama ia turut menempatkan kes-kes sukarela, lazimnya berkaitan moral, setelah mendapat kebenaran Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).⁴⁹ Berdasarkan kajian yang dijalankan setakat 2008, penulis dapat bahawa pusat ini telah menerima seramai 15 orang pesalah dari mahkamah, tetapi belum pernah menerima seorang pun pesalah ajaran sesat.⁵⁰ Dari segi modul pembelajaran agama yang disediakan, didapati bahawa pengisiannya adalah satu sahaja dan terpakai kepada semua pelatih yang dimasukkan ke situ. Sudah tiba masanya modul khas diwujudkan bagi pesalah akidah. Satu lagi pusat pemulihan akidah ialah Pusat Pemantapan Akidah JAKIM di Jelebu yang dibina di bawah kerajaan Pusat dan diletakkan di bawah pengurusan bahagian Dakwah JAKIM.⁵¹

Satu perkara yang perlu diterima hakikatnya ialah kedua-dua pusat ini tidak diwartakan sebagai penjara dan tidak berada di bawah pengurusan Jabatan Penjara Malaysia. Justeru, perintah mahkamah (supaya dihantar ke pusat pemulihan akidah) itu adalah bersifat perintah (*order*) tambahan kepada hukuman (*punishment*) yang perlu dilaksanakan terhadapnya.

Peranan JAKIM Dalam Menangani Gejala Ajaran Sesat

JAKIM sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab terhadap hal-hal pembangunan dan kemajuan Islam di negara ini, juga telah mengadakan inisiatif yang memberangsangkan dalam menangani fenomena ajaran sesat. Jabatan ini telah mewujudkan Rancangan Lima Tahun Membanteras Ajaran Sesat. Yang pertama bermula dari tahun 1995 hingga 1999. Manakala Rancangan Lima

⁴⁹ Hasil temubual dan lawatan pengkaji ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ulu Yam. Terima kasih kepada Encik Zulkifli Ismoin, Penolong Pegawai Kaunseling. Lihat juga paparan statistik lengkap di <http://baitul-iman.mais.gov.my>, akses pada 2 Mei 2010. Satu lagi ialah Pusat Pemulihan Akhlak Baitul Ehsan yang dikhaskan untuk pelatih wanita sahaja dibina di Sabak Bernam. Tinjauan penulis mendapati, pusat ini banyak menerima pelatih wanita yang bermasalah moral seperti hamil luar nikah. Terima kasih kepada Pengusaha Mohd Khairie Solehan yang bekerjasama dengan penulis membenarkan lawatan ke pusat ini pada tahun 2008.

⁵⁰ Pelatih yang ada di sini terdiri daripada pelatih kes sukarela yang dihantar oleh JAIS, kebanyakannya membabitkan kes khawat dan moral yang lain. Pusat ini pernah sekali menerima pesalah kes murtad, Siti Fatimah Abdul Rahman, yang dihantar dari negeri Melaka pada tahun 2009.

⁵¹ Lihat <http://www.islam.gov.my/ppaj>, akses pada 4 Mei 2010.

Tahun kedua ialah dari tahun 2000-2005. Strategi lain ialah penubuhan *Task Force* peringkat negeri dan persekutuan bagi memastikan gejala tersebut dapat dibendung hingga ke akar umbi.⁵² Jawatankuasa Task Force ini diurussetiakan oleh Cawangan Akidah, Bahagian Penyelidikan JAKIM. Ia berbentuk *ad-hoc* dan beroperasi berasaskan kes. Ia dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dengan keahlian jawatankuasa daripada semua agensi seperti Kementerian Dalam Negeri, jabatan agama Islam negeri, Majlis Keselamatan Negara, Polis DiRaja Malaysia, pihak berkuasa tempatan dan beberapa lagi. Contoh kerjasama yang pernah dilaksanakan ialah apabila kerajaan menangani isu Syarikat Rufaqa Corporation (SRC) dan juga isu Arifin Muhamad (Ayah Pin). Jawatankuasa yang bersifat tetap pula ialah Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS), Jawatankuasa Penyelaras Penyelidikan Islam (JAPPIS) dan Panel Kajian Akidah (PKA). Namun sejauhmanakah keberkesanan usaha kerjasama di antara pihak berkuasa negeri dan persekutuan ini tidak dapat dipastikan. Adalah diharapkan dengan adanya keupayaan di pelbagai peringkat agensi kerajaan dan negeri, usaha pembanterasan ajaran sesat dapat dipertingkatkan.

ANALISIS: PEMERKASAAN DALAM MENANGANI AJARAN SESAT

Untuk menangani gejala ajaran sesat dalam masyarakat, perlu dinilai bagaimanakah pendekatan yang diambil oleh pihak berwajib. Daripada perbincangan di atas, terdapat tiga pendekatan utama yang perlu diarahkan kepada pencapaian matlamat. Tiga aspek itu ialah: pembanterasan, pendakwaan dan pemulihan yang perlu berorientasikan *output*. Walaupun, ketiga-tiga aspek itu seperti sudah ada, namun, pada pengamatan penulis, ia wajar diperkemaskan dan kerjasama di antara pihak-pihak berkenaan perlu dipertingkatkan lagi secara rasmi, misalnya dengan penubuhan unit tindakan khas menangani gejala ajaran sesat di peringkat persekutuan. JAKIM telah memulakan inisiatif itu namun penambahbaikan perlu dilakukan agar lebih proaktif dan dinamik dalam menyegerakan penyelesaian penyebaran ajaran sesat. Secara umum, didapati bahawa kesalahan-kesalahan berkaitan akidah didapati terus berlaku hingga kini dan masyarakat suka mengandaikan bahawa ia gagal dibanteras oleh pihak berkuasa agama. Hakikatnya kegagalan di sini disifatkan berlaku kerana masalah berkaitan ajaran salah dan yang berkaitan dengannya, bukan mudah untuk dibanteras secara total. Kalau ada usaha ke arah penyelesaiannya

⁵² Cawangan Akidah (1999), “Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia”, *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, Bil 12, h. 107.

pun, ianya didapati lambat, perlahan dan memakan masa yang lama. Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa mekanisme ke arah pembanterasan ajaran itu telah ada, namun ia didapati tidak kemas dan tidak dapat mencapai objektif yang dikehendaki kerana pada pengamatan penulis, ia tidak diselaraskan di antara pelbagai institusi dan pihak berkuasa itu. Sebagai contoh, tugas pembanterasan diberikan sepenuhnya kepada bahagian penguatkuasaan, tetapi tidak semua negeri mempunyai pegawai atau unit khas siasatan yang fokus kepada masalah ajaran sesat sahaja. Selain itu, aspek siasatan juga wajar dipertingkatkan. Seperkara lagi ialah, jika mahkamah memerintahkan agar pesalah dihantar ke pusat pemulihan akidah, didapati modul pemulihan akidah tidak disediakan, hanya modul pendidikan agama biasa sahaja. Jika diperintahkan agar bertaubat, mekanisme taubat pula tidak disediakan oleh mana-mana pihak. Justeru, jabatan agama atau pegawai berkenaan perlu mempunyai arahan kerja dan atau *standard operating procedure* (SOP) yang jelas dalam menyelesaikan masalah ini secara lebih berkesan.

Menyentuh tentang penyiasatan dan penyelesaian kes ajaran salah, didapati di sinilah letaknya faktor penentu kepada kejayaan proses-proses berikutnya. Sekiranya penyiasatan yang cepat dan menyeluruh, pengumpulan bukti dan keterangan serta penangkapan suspek dapat dilakukan dengan jayanya, dan diikuti dengan pendakwaan yang segera di mahkamah syariah, barulah sesuatu aktiviti ajaran sesat dapat dihapuskan dari masyarakat. Usaha ini memerlukan masa, tenaga, kepakaran dan kerjasama pelbagai pihak yang bukan sedikit. Sudah tiba masanya Bahagian Penguatkuasaan mempunyai unit khas yang melatih sebahagian penguatkuasa agama agar fokus kepada kes ajaran sesat sahaja dan mengekalkan mereka di Bahagian ini tanpa ditukarkan ke bahagian lain dalam jabatan agama. Untuk itu kerjasama dengan pihak risikan polis perlu dimantapkan. Pihak pendakwaan juga perlu memantapkan lagi kemahiran pengemukaan kes di mahkamah dengan memastikan bukti dan keterangan sokongan adalah kuat sehingga dapat meyakinkan mahkamah.

Penyelesaian isu berkaitan ajaran sesat di Negara ini sebenarnya bukan terletak pada perundangan sahaja, sebaliknya ia berbalik kepada kesedaran beragama seseorang. Umat Islam seharusnya sedar tentang pentingnya menjaga akidah masing-masing agar tidak tergelincir menerusi amalan ataupun tindakan. Meningkatkan kefahaman ilmu agama mestilah menerusi kaedah yang formal membabitkan institusi agama seperti masjid dan pengajar yang mempunyai tauliah dan latarbelakang agama yang diketahui. Semua pihak berwajib terutama di bawah jabatan agama seperti bahagian dakwah, bahagian pendidikan, bahagian masjid dan juga penguatkuasa agama perlu menjadikan agenda pembanterasan penyelewengan akidah berada dalam keutamaan mereka.

KESIMPULAN

Apa yang dapat disimpulkan ialah usaha yang bukan sedikit diperlukan untuk menangani ajaran sesat di negara ini. Dalam hal ini kerjasama amat diperlukan dari semua pihak termasuk orang awam, pihak berkuasa agama dan juga agensi persekutuan, kerajaan negeri dan ahli politik agar dapat sama-sama meletakkan agenda pembasmian ajaran sesat dalam masyarakat kita sebagai keutamaan pada masa kini. Ini kerana dalam agama Islam, konsep *amar makruf nahi munkar* menuntut sumbangan dari semua pihak dan perlu dilihat secara menyeluruh. Ia bukan tugas pihak berkuasa semata-mata, malah itulah peranan setiap individu muslim dalam melaksanakan tanggungjawab hidup bermasyarakat. Masyarakatlah golongan pertama yang mampu menghidu atau mengetahui sama ada wujud sebarang aktiviti berkaitan ajaran yang menyimpang dari Islam atau tidak di kawasan mereka. Imam-imam masjid, surau, penghulu dan ketua masyarakat perlu sentiasa peka dengan aduan dan pertanyaan yang dikemukakan oleh penduduk kariah masing-masing. Paling penting ialah kriteria ajaran sesat perlu disebarluaskan untuk maklumat awam. Ini kerana golongan yang kurang arif dengan agama akan mudah condong kepada amalan agama yang pintas, mudah dan sesuai dengan corak hidup mereka. Di pihak penguatkuasa agama pula, pemahaman kehendak undang-undang berkaitan risikan dan penyiasatan hendaklah dimantapkan. Pemahaman ini dapat membantu hala tuju aspek penyiasatan, dan kaedah menangani kes tersebut dengan lebih efisien dan seterusnya dapat mengelakkan penyelesaian yang perlahan dan lambat terhadap satu-satu kes ajaran sesat. Selain itu, kerjasama dengan pihak penguatkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia dan sebagainya mampu memendekkan tempoh penyiasatan dan penyelesaian sesuatu kes ajaran salah.

RUJUKAN

- Abdul Fatah Haron Ibrahim (2006), “Syariat, Tareqat, Haqiqat dan Ma’rifat: Satu Analisa Kritis” *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, Bil.19, 1-30.
- Abdul Fatah @ Haron Ibrahim (1990), “Ajaran Sesat”, (Koleksi Persidangan Penyelidikan Sempena Ulang Tahun ke 20 UKM, Bangi).
- Abdul Hayei Abd Shukor (2006), “Kasyaf dalam Ajaran Kaum Sufi”, *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, Bil.19, 31-40.
- Ahmad Hidayat Buang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2004), “Bentuk dan Statistik Fatwa”, dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

- Ahmad Hidayat Buang (2002) “Analisis Fatwa-Fatwa Semasa Syariah di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, 10(1), 39-52.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (t.t), *Kriteria Dalam Ajaran Sesat*, Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad.
- Cawangan Akidah (1999), “Fenomena Ajaran Sesat di Malaysia”, *Jurnal Penyelidikan Islam JAKIM*, Bil 12.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007), “Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan”, *Jurnal Usuluddin*, Bil.26, 1-22.
- Fatwa-Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan 1987-2007*, Kuala Lumpur: Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.
- Hamid Jusoh (t.t), “Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia” dalam Nasimah Hussin *et.al.*, *Undang-Undang Islam: Jenayah, Keterangan dan Prosedur*; Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Himpunan Ajaran, Amalan dan Fahaman Yang Telah Difatwa dan Diwartakan Menyeleweng dan Sesat Dalam Negeri Selangor Sepanjang Abad Dua Puluh (2002), Selangor: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Selangor.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali (2004), “Analisis Fatwa-fatwa Usuluddin: Tumpuan Kepada Ajaran Salah” dalam Ahmad Hidayat Buang (ed.), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Kosmo*, “Ajaran MLM ganti solat”, 16 November 2008.
- Kosmo*, “Cacing Kepanasan”, 18 November 2008.
- Kosmo*, “Guru Yahu Jamin Syurga Kepada 2000 Pengikut”, 2 September 2008.
- Mazni Abdul Wahab (2004), “Pewartaan Fatwa Menurut Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989 dan Penguatkuasaannya”, *Jurnal Syariah*, 12(2), 123-147.
- Mohd Yusof Senik (1993), “Kepercayaan Khurafat Tentang Saidina Ali Di Kalangan Masyarakat Melayu Di Malaysia”, *Jurnal Usuluddin*, Bil 1, 204-215.
- Muhammad Isa Selamat & Hj Ahmad M.A Ghaffar (t.t), *Murtad: Kesan dan Kisah Mengenainya*, Kuala Lumpur: Pustaka Nu’mam.
- Mustafa Haji Daud (1995), “Ajaran Sesat di Malaysia: Fenomena, Kesan, Faktor dan Penyelesaiannya”, (Kertas Kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Gejala Sosial, Jitra).

Pusat Dakwah Islamiah (t.t), *Kriteria-Kriteria Ajaran Sesat Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura*, Brunei: Kementerian hal Ehwal Ugama.

Rahimin Afandi Ab Rahim, Paizah Ismail & Nor Hayati Mohd Dahlal (2009), “Ijtihad dalam Institusi Fatwa di Malaysia: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah*, 17(1), 195-222.

Siti Norbaya Abdul Kadir (t.t), *Ajaran Sesat: Sejarah Kemunculan dan Ciri-Cirinya*, Kuala Lumpur: Pustaka Hidayah.

Utusan Malaysia, “Polis Terengganu diarah dapatkan penjelasan JHEAT”, 14 November 2008.

Zabidi Mohamed (1998), *Tersungkur Di Pintu Syurga: The Untold Truth and Inside Story of Al-Arqam and I.S.A (Detention Without Trial)*, Kuala Lumpur: Zabidi Publication.

Zamihan Hj Mat Zin (2008), “Ajaran Sesat dan Bahayanya Terhadap Agama dan Negara”, (Kertas Kerja Seminar Pemantapan Akidah dan Perpaduan Ummah Negeri Melaka pada 3 April 2008).

Statut

Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Perlis) 1991.

Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004.

Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992.

Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Sabah 1995.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan 1997.

Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam Selangor 1989.

Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Sarawak 2001.

Kes

Abdul Kahar Ahmad v. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan; Kerajaan Malaysia & Anor. [2008] 4 CLJ 309.

Mohamed bin Ya dan lain-Lain lwn Pendakwa Syarie Kelantan (Kes Rayuan Bilangan 1/96, Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan).

Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Haji Mohamed bin Ya (Fail kes no. 15-56/91, Mahkamah Syariah Ipoh Perak).

Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Ishak bin Saad (Fail kes no. 422/87, Mahkamah Syariah Ipoh Perak).

Pendakwa Mahkamah Syariah Perak lwn Meriam Ahmad Shararudin (Fail kes no. 15-715/91 Mahkamah Syariah Ipoh Perak).

Pendakwa Syarie Kelantan lwn Mohamed bin Ya dan Lain-Lain (Kes Jenayah Bilangan 2/92, Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu, Kelantan).

Pendakwa Syarie lwn Abdul Kahar Ahmad (Kes Jenayah 10200-108-0025/2005, 10200-107-0042/2005, 10200-136-0043/2005, 10200-109-0044/2005, 10200-134-0045/2005, Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor).

Pendakwa Syarie lwn Fahyu Hanim Ahmad, Noni Mohammad dan Sharina Shaari (Jurnal Syariah, 8:1 [2000] 137-152).

Laman web

<http://www.e-fatwa.gov.my>.

<http://www.malaysiakini.com>.

<http://baitul-iman.mais.gov.my>, akses pada 2 Mei 2010.

<http://www.islam.gov.my/ppi/profil.html>, akses pada 12 April 2010.

<http://e-fatwa.intranetportal.my>, akses pada 13/4/2010.

<http://mufti.terengganu.gov.my>, akses pada 20 April 2010.

<http://poligamiikhwan.org.>, akses pada 25 April 2010.

<http://www.jaim.melaka.gov.my>, akses pada 25 April 2010.

